

Sorotan Sejarah perkembangan Kesusasteraan Negeri Pahang

The Highlights of Historical Development of Malay Literature in Pahang State

A. Halim Ali

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Corresponding author: halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Received: 25 September 2025; **Revised:** 02 November 2025; **Accepted:** 11 November 2025; **Published:** 28 November 2025

To cite this article (APA): Ali, A. H. (2025). Sorotan Sejarah perkembangan Kesusasteraan Negeri Pahang. *PENDETA*, 16(2), 1-13. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.fa.1.2025>

ABSTRAK

Tradisi kesusasteraan di negeri Pahang bermula sejak sekian lama. Tradisi ini dapat dikesan menerusi genre sastra rakyat yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi dan dimiliki secara kolektif oleh Masyarakat setempat. Kemudian muncul selepas itu genre sastra agama, sastra hikayat dan sastra undang-undang. Perkembangan kesusasteraan Melayu di negeri Pahang bergerak seiring dengan perkembangan kesusasteraan di Tanah Melayu umumnya. Kesusasteraan Melayu di negeri Pahang memasuki era peralihan apabila munculnya karya novel berjudul 'Hikayat Khalik dan Malik' pada tahun 1927 dan novel 'Hikayat Perjumpaan Asyik' juga pada tahun 1927, karangan Zulkarnain Yaakub. Kesusasteraan Melayu terus bergerak dan berkembang selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Muncul tokoh-tokoh pengarang seperti Tuan Haji Taib Akil, A. Karim, Sahmad Malaya, Zakaria Hitam, Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid yang menggerakkan usaha memajukan kesusasteraan negeri Pahang menerusi Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) pada tahun 1957. Menerusi DPMP juga gerakan memajukan kesusasteraan lebih teratur dan aktiviti yang dirancang lebih tersusun. Perkembangan kesusasteraan di negeri Pahang telah menempuh pengalaman panjang dengan kepimpinan silih berganti dan aktiviti yang semakin mencabar. Pasang surut kemeriahan sastra menuntut kesiapsiagaan tinggi DPMP untuk mendepani pelbagai cabaran agar perkembangan sastra di negeri Pahang terus gagah menyusuri perjalanan sejarah dan kehidupan masa depan dengan lebih bertenaga.

Kata Kunci: sejarah perkembangan; sasterawan Pahang; DPMP; pengiktirafan; sastra Malaysia

ABSTRACT

The literary tradition in the state of Pahang dates back a long time. This tradition can be traced through the folklore genre which is inherited from one generation to another and collectively owned by the local community. Then the religious literature genre, hikayat literature and legal literature emerged after that. The development of Malay literature in Pahang moved in line with the development of literature in Malaya in general. Malay literature in Pahang entered a transitional era when the novel 'Hikayat Khalik dan Malik' and the novel 'Hikayat Perjumpaan Asyik' written by Zulkarnain Yaakub, appeared in 1927. Malay literature continued to move and develop after Malaya achieved independence. Authors such as Tuan Haji Taib Akil, A. Karim, Sahmad Malaya, Zakaria Hitam, Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid emerged who mobilized efforts to develop Pahang literature through the Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) in 1957. Through DPMP, the movement to develop literature is more organized and the planned activities are more structured. The development of literature in the state of Pahang has gone through a long experience with alternating leadership and increasingly challenging activities. The ups and downs of literary excitement require DPMP's high readiness to face various challenges so that the development of


literature in the state of Pahang continues to bravely follow the journey of history and future life with more energy.

Keywords: historical development; Pahang literary writers; DPMP; recognition; Malaysian literature

PENGENALAN

Sejarah Pahang dikatakan bermula lebih awal dari Kerajaan Melayu Melaka. Luas kawasan kerajaannya Ketika itu meliputi wilayah bahagian Selatan Semenanjung Tanah Melayu, malah bagi orang-orang Jawa Majapahit seluruh tanah Semenanjung itu dikenali sebagai Pahang. Buyong Adil (2023) menyebutkan, pada awal kurun Masehi yang ke-16, pada permulaan terdirinya Kerajaan Melayu Johor, sempadan negeri Pahang di sebelah selatannya sampai ke Sedili Besar dan ke utaranya sampai ke Terengganu, sempadan ke baratnya santak ke Rembau, Selangor dan Perak.

Rajah 1 Kerajaan Melayu Negeri Pahang awal kurun Masehi yang ke-16



(Sumber: *Handbook of the Federated Malay States*, 1902: 92-95)

Terdapat beberapa sumber yang menerangkan asal usul nama Pahang seperti dari sumber pengarang-pengarang China, orang-orang Arab, Eropah dan juga dari sumber tempatan. Ada pendapat yang menyatakan perkataan Pahang itu asalnya dari bahasa Siam-Asli yang bermaksud timah. Harus jugalah agaknya nama negeri itu diambil daripada bahasa orang Siam-Asli itu pada zaman dahulu yang telah mendiami negeri itu dan membuka lombong-lombong bijih timah di situ terutama di lembahan Sungai Tembeling (Buyong Adil, 2023).

Gelaran tua bagi negeri Pahang itu ialah Inderapura, disedut Pahang Inderapura. Perkataan Inderapura bermaksud "Kota Indra" dalam Sanskrit, Indra menjadi ketua Devas dan tuan Svargaloka dalam agama Dharma. Inderapura ialah ibu kota kerajaan zaman pertengahan Pahang yang wujud dari abad ke-5 hingga ke-15. Kota ini disebut beberapa kali dalam teks *Sejarah Melayu* dalam menceritakan penaklukan Pahang pada tahun 1454.

Warisan Kesusasteraan Pahang

Negeri Pahang mewarisi daripada rakyatnya dengan pelbagai Khazanah kesusasteraan. Alam sekitar yang luas terbentang menjadi sumber daya terpenting yang mempengaruhi cara hidup, pembentukan budaya dan pembentukan pandangan dunia (*worldview*) serta etos masyarakatnya. Gunung-gunung, bukit bukau, gua-gua, sungai-sungai, dataran pantai yang terbentang, hutan rimba, teluk-teluk dan lubuk, tasik dan padang hijau merupakan sumber daya alam yang telah menimbulkan pelbagai cerita di dalam masyarakat. Sumber daya alam yang kaya ini telah menghayakan negeri Pahang dengan pelbagai hasil seni, muzik, tarian¹ cerita rakyat dan kisah yang kemudiannya membentuk suatu rupa warisan kesusasteraan yang sangat berharga dalam bentuk sastera rakyat, sastera kitab, sastera sejarah dan sastera undang-undang.

Perubahan zaman dari alam tradisional beralih ke alam moden telah membawa negeri Pahang memasuki peradaban baharu. Peradaban baharu ini juga telah membawa kesusasteraan negeri Pahang yang bersifat tradisional beralih kepada kesusasteraan yang bersifat baharu atau moden dengan ciri-ciri yang baharu, suasana serta bentuk hasil sastera yang baharu juga. Perbincangan dalam makalah ini berupa sebuah sorotan dengan objektif untuk melihat secara umum perkembangan kesusasteraan di negeri Pahang bermula dalam era sebelum merdeka dan selepas merdeka.

Era sebelum merdeka sorotan perbincangan memberi tumpuan kepada genre sastera rakyat, sastera kitab, sastera Sejarah dan sastera undang-undang. Manakala perkembangan kesusasteraan Melayu era selepas Merdeka memberi tumpuan kepada kemunculan genre baharu berbentuk novel, sajak dan drama. Perbincangan juga diberikan kepada peranan pertubuhan sastera iaitu Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) yang ditubuhkan pada tahun 1957 serta kemunculan penulis-penulis baharu yang bergiat aktif memajukan bidang kesusasteraan Melayu dengan pelbagai aktiviti menerusi penglibatan mereka dalam DPMP. Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak (2000) dalam satu tulisannya menyebutkan karya-karya sastera kita mempunyai perutusan yang tinggi barang kali pada suatu waktu ia mempunyai makna yang tersirat yang sukar kita meneka. Tanggapan Dato' Mohd Najib memberi suatu gambaran penting tentang ketinggian nilai khazanah budaya, seni dan sastera di negeri ini.

Sastera Rakyat

Negeri Pahang sangat beruntung kerana tokoh-tokoh budayawan, pengarang, pengkaji dan ahli akademik sangat giat menghasilkan kajian-kajian tentang perkembangan sastera, seni, budaya dan membukukannya. Antara tokoh-tokoh yang dimaksudkan itu ialah Haji Zakaria Hitam (Pak Zek) tokoh budayawan dan penyelidik sastera rakyat negeri Pahang yang sangat terkenal, Yaakub Isa, Abu Hassan Sham, Keris Mas, Mohamad Mokhtar Abu Bakar, Zainuddin Jumaat, Ariffin Said dan ramai lagi.

Rajah 2 Dato' Hj. Zakaria Hitam, Budayawan Negeri Pahang, Bapa Sastera Rakyat Pahang



¹ Untuk keterangan lebih lanjut, boleh lihat buku berjudul 'Koleksi pengenalan tarian dan muzik Negeri Pahang' terbitan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang, 2003

Genre sastra rakyat merupakan genre terawal wujud dalam tradisi kesusasteraan Melayu di negeri Pahang. Hasil sastra dalam bentuk lisan menjadi produk warisan Masyarakat Melayu yang sangat penting dan telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan antarabangsa sejak dahulu lagi. Terdapat banyak cerita lisan yang diperolehi daripada penduduk tempatan dan ada di antaranya disusun oleh pengkaji Barat iaitu W. E. Maxwell seperti cerita 'Raja Donai' (Zakaria Hitam, 1987).

Pengumpulan dan pendokumentasian cerita-cerita rakyat negeri Pahang diusahakan dengan gigih oleh Haji Zakaria Hitam atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Zek. Usaha mengumpulkan cerita-cerita rakyat Pahang ini dilakukan atas inisiatif Pak Zek sendiri secara suka rela. Pak Zek juga menjadikan rumahnya sebagai muzium untuk menyimpan barang-barang purba yang dikumpulkannya (Madiawati Mamat @ Mustaffa et al., 2019). Menurut Yaakub Isa (1987), Pak Zek telah berjaya mengumpulkan lebih daripada 300 buah cerita rakyat yang terdiri daripada cerita dengan pelbagai tema. Bagi memudahkan pemahaman terhadap cerita-cerita yang dikumpulkan itu, Pak Zek telah mengkategorikan cerita-cerita lisan tersebut kepada sembilan jenis iaitu;

- a. Cerita-cerita penglipurlara
- b. Cerita-cerita berunsur Sejarah
- c. Cerita-cerita berunsur agama
- d. Cerita-cerita Binatang
- e. Cerita-cerita orang-orang tua
- f. Cerita-cerita Kisah tempat-tempat keramat (termasuk Meriam keramat)
- g. Kisah tajau (tempayan mas)
- h. Kisah tempat orang meminjam pinggan mangkuk
- i. Kisah asal usul nama tempat.

(Zakaria Hitam, 1987:1)

Berikut adalah tanggapan dan harapan Pak Zek dilangsir dalam bentuk pantun tentang banyaknya hasil sastra lisan yang ditinggalkan oleh datuk nenek kita. Cerita-cerita yang ditinggalkan itu adalah warisan budaya bangsa yang sangat berharga dan sangat mustahak dipelihara. Demikian pantunnya;

Dari Teluk ke Pulau Keladi,
Hilir bersampan muat bertiga;
Datuk nenek kita telah pergi,
Tetapi banyak meninggalkan cerita.

Dari Benta hilir ke Pekan,
Hilir singgah di Tanjung Medangsa;
Cerita-cerita yang ditinggalkan,
Adalah warisan budaya bangsa.

Dari Bera ke Kuala Mentiga,
Singgah sebentar di Batu Kunta;
Sebagai budaya mustahak dipelihara,
Kalau tidak rugilah kita.
Dari Penyagu mudik ke Lompat,
Singgah makan di Kuala Jempul;
Sebab itu sebelum terlambat,
Yang masih ada mesti dikumpul.

Sastra Kitab

Genre sastra kitab muncul di negeri Pahang setelah kehadiran seorang ulama dari Aceh iaitu Syeikh Nur al-Din al-Raniri. Sewaktu berada di Pahang, Syeikh Nur al-Din al-Raniri telah berkenalan dengan Raja Mughal dan keluarga Dirajanya. Menurut Shafie Abu Bakar (1987), sewaktu di negeri Pahang

inilah juga beliau dikatakan telah mengarang kitab-kitab seperti *Sirat al-Mustaqim* (1044H), *Durrat al-Fara'id* (1045H) dan *kitab Hidayat al-Habib* (1045H).

Perkembangan sastera agama disertai dengan pertembungan dua aliran iaitu aliran wahdatul wujud yang didokong oleh 'Datuk Mengkarak' dan aliran sunnah wal jamaah yang didokongi oleh Syeikh al-Din al-Raniri serta Tuk Syihabuddin bin Zainal Abidin. 'Datuk Mengkarak' membawa aliran wahdatul wujud dan mengajarkan di negeri Pahang khususnya di Temerloh. Dikatakan pengikut-pengikutnya terus wujud hingga ke hari ini, terutama dalam kalangan keturunannya. Kitab-kitab ajaran pula terus diwariskan hingga kini (Shafie Abu Bakar, 1987).

Tuk Syihabuddin adalah ulama yang mendalam di dalam ilmu-ilmu keagamaan dan juga sastera. Beliau memilih bentuk puisi di dalam menurunkan pengajaran-pengajarannya (Shafie Abu Bakar, 1987). Sebagai seorang imam, ulama dan pengarang, Tuk Syihabuddin telah mengarang beberapa buah puisi syair, antaranya;

- a) Syair Asyikin
- b) Syair Burung
- c) Syair usul
- d) Syair Ghafilah
- e) Syair sifat Dua Puluh


Dengan berkembangnya sastera kitab, maka berkembanglah tradisi keilmuan Islam di negeri Pahang sekitar abad ke-17 dan ke-18. Apa yang jelas, perkembangan ini telah mengidentitikan negeri Pahang sebagai sebuah negeri yang menerima pengaruh perkembangan aliran agama dari Aceh. Tokoh agama Tuk Syihabuddin bin Zainal Abidin dapat dikatakan sebagai tokoh islah yang berusaha 'membersihkan' ajaran Islam yang dikembangkan menerusi aliran wahdatul wujud dengan memajukan pengajian agama berasaskan aliran sunnah waljamaah.

Mat Kilau Pengarang Kitab

Mat Kilau (1865-1970) telah diakui sebagai seorang tokoh pahlawan yang sangat berani dan terkenal dalam perjuangan menentang penjajah Inggeris di Pahang. Beliau telah mendapat pujian dan sanjungan pelbagai pihak dan telah digelar sebagai Pahlawan Melayu Pahang Terbilang. Namun begitu, Mat Kilau sangat jarang dikenali atau disoroti peranan serta penglibatannya dalam penulisan, meskipun sejarah membuktikan bahawa Mat Kilau ada mengarang dan menyusun kitab yang mengandungi ilmu-ilmu kebatinan, ilmu kesihatan diri, ilmu persilatan dan sebagainya.


Seperti juga tokoh pujangga Melayu Hamzah Fansuri, Samsuddin al-Sumatrani, Syed Daud al-Fatoni, Raji Ali Haji dan lain-lain, Mat Kilau juga dapat digolongkan sebagai tokoh sastera Melayu tradisional negeri Pahang yang ada jasanya dalam penghasilan dan penulisan karya sastera khususnya karya dalam bentuk genre puisi tradisional. Inti penulisan kitab-kitab ini juga membawa kepada masyarakat tentang sikap siap siaga diri terhadap sebarang masalah hidup. Justeru, Mat Kilau menampilkan dalam penulisan berbagai jenis ilmu berkait kesihatan diri, pertahanan diri, ilmu agama dan ilmu kemasyarakatan.

Rajah 3 Kulit Muka Depan Kitab Mat Kilau



(Sumber: <https://www.lelarentaka.com>)

Rajah 4 Salah satu isi Kitab Mat Kilau



(Sumber: <https://www.lelarentaka.com>)

Sastera Sejarah

Sastera sejarah mengisahkan peristiwa-peristiwa berunsur Sejarah dengan penekanan diberikan kepada sesebuah kerajaan mengikut tahap-tahap yang disusun secara kronologi; memasukkan unsur-unsur khayal dan merupakan karya yang fungsional (Harun Jaafar, 2002). Antara karya yang termasuk dalam genre Historiografi Melayu tradisional ialah *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Misa Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Salasilah Melayu dan Bugis*, *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Johor*, termasuk dalam kategori ini ialah *Hikayat Pahang*.

Hikayat Pahang merupakan teks bertulisan Jawi yang memuatkan kisah dan peristiwa yang berlaku di negeri Pahang pada masa pemerintahan Bendahara Ali, Bendahara Tun Mutahir dan Bendahara Tun Ahmad yang kemudiannya menjadi Sultan Ahmad al-Muazzam Syah, iaitu antara tahun 1832 hinggalah lebih kurang tahun 1932 (Kalthum Jeran, 2016). Muhammad Yusoff Hashim (1987) menyebutkan, bahawa *Hikayat Pahang* barangkali merupakan 'magnum opus' persejarahan bagi masyarakat peribumi Pahang sepertimana ke-magnuman *Hikayat Merong Mahawangsa* bagi masyarakat peribumi Kedah, *Misa Melayu* bagi masyarakat Perak, *Hikayat Seri Kelantan* dalam kalangan masyarakat tempatan Kelantan, *Tuhfat al-Nafis* bagi sekalangan khusus masyarakat peribumi Johor dan lain-lain. Teks *Hikayat Pahang* dianggap sumber tunggal peribumi mengenai tradisi persejarahan Pahang sebelum dan selepas penjajahan Inggeris hingga ke hari ini.

Antara kisah-kisah yang terdapat dalam hikayat ini ialah Pembukaan Negeri Pahang, Kerajaan Pahang ditakluki oleh Kerajaan Melaka, Sultan Muhammad sebagai Pemerintah Pertama Kerajaan Pahang, Seri Wak Raja dengan Gajah Pahang, Gajah Sultan Pahang dilarikan, Bersyaikh Diri di Lubuk Pelang, Surat Meminang dari Pahang, Istiadat Perkahwinan Diraja Johor-Pahang, dan sebagainya. Selain itu, sejarah negeri Pahang yang boleh diceritakan mengenai Perang Saudara yang berlaku di negeri ini telah dibahagikan kepada kepada tiga peringkat, iaitu Peringkat Pertama, atau Perang Kemaman dalam tahun 1857, Peringkat Kedua, atau Perang Endau & Kuantan dalam tahun 1861, dan Peringkat Ketiga, atau Perang Temai yang berlaku pada awal tahun 1863 dan berakhir pada bulan Mei 1863.

Sastera Undang-Undang

Negeri Pahang juga memiliki karya sastera tradisonal berbentuk perundangan iaitu *Hukum Kanun Pahang*. Sebelum era penjajahan atau era sebelum Munshi Abdullah terdapat banyak undang-undang Melayu lama (UUML) yang diwarisi dari datuk nenek moyang orang Melayu zaman berzaman. Antara karya sastera undang-undang yang sedia diketahui umum adalah *Hukum Melaka*, *Undang-Undang Laut*, *Undang-Undang Pahang*, *Undang-Undang Johor*, *Undang-Undang Kedah* dan lain-lain. UUML tidak dapat disamakan dengan undang-undang negara Malaysia yang digubal dalam zaman moden, kerana ia digubal oleh badan perundangan yang formal sifatnya iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Walau bagaimanapun menurut Ismail Hamid (1988), UUML juga mengesahkan kekuasaan, kedudukan raja dan golongan bangsawan. Raja berkuasa penuh sama ada melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan atau mengetepikannya.

Teks *Hukum Kanun Pahang* dipercayai disusun untuk Sultan Abdul Ghapur Muhiyuddin Syah yang memerintah Pahang antara tahun 1592 hingga 1614, maka dengan itu dapatlah dianggap ia sebagai teks UUML yang mewakili negeri Pahang atau lebih tepat lagi sebagai *Hukum Kanun Pahang* (Abu Hassan Sham, 1987:91). Dengan adanya teks *Hukum Kanun Pahang* ini ia membuktikan bahawa negeri Pahang telah wujud sebagai sebuah negeri yang mempunyai pemerintahan yang bersistem semenjak zaman Sultan Abdul Ghapur Muhiyuddin Syah lagi (Mohamed Mokhtar Haji Abu Bakar, 1997).

Selain hasil sastera yang aslinya datang dari negeri Pahang, terdapat juga pelbagai karya sastera lama dalam bentuk manuskrip Melayu lama yang tersimpan dalam Muzium Sultan Abu Bakar di daerah Pekan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Aripin Said terdapat koleksi manuskrip Melayu lama yang diperolehi pihak muzium bermula pada tahun 1976 terdiri daripada empat buah hikayat, dua buah kitab mengenai hukum Islam dan sebuah tiap-tiap satu mengenai ubat-ubatan, Kebajikan dan mengenai nasihat serta pedoman hidup (Aripin Said, 1987).

Kesusasteraan Melayu Moden

Kesusasteraan Melayu moden di negeri Pahang berkembang selari dengan perkembangan kesusasteraan Melayu moden di Tanah Melayu secara amnya. Meskipun batas masa yang membezakan era moden dan era tradisional masih tidak muktamat, namun kaedah yang ditunjuki Barat sering dijadikan rujukan. Era moden sering dirujuk sebagai era baharu peradaban manusia yang ditandai dengan munculnya teknologi mesin cetak. Dengan teknologi mesin cetak, hasil kesusasteraan beralih kepada tradisi lisan kepada karya bercetak.

Selain itu, ukuran moden dengan tradisional juga dilihat pada bentuk karya. Karya kesusasteraan moden berbentuk realiti dengan tema dan persoalan cerita berasaskan isu semasa yang berpijak di alamnya. Muncul pula karya kesusasteraan bentuk baharu yang dikenali dengan genre novel, cerpen dan sajak. Perubahan bentuk karya sastera ini terhasil di tangan pengarang-pengarang seperti Abdullah Abdul Kadir Munshi (Munshi Abdullah), Syed Shiekh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Omar Mustaffa, Ahmad Rasyid Talu, Ahmad Abdullah Sidek, Ahmad Abdullah, Za'ba dan Pak Sako (Harun Jaafar, 2002). Manakala, Munshi Abdullah (1796-1854) diangkat sebagai pelopor kesusasteraan Melayu moden. Gelaran itu diberikan kerana Munshi Abdullah dipercayai memulakan penulisan corak baharu yang menyimpang dari tradisi sebelumnya (Harun Jaafar, 2002).

Negeri Pahang tidak terkecuali dari kesan pengaruh perkembangan sastera moden di Tanah Melayu yang berlaku dalam abad ke-19 itu. A. Bakar Hamid (1987) dalam kajiannya menemukan

dua buah novel iaitu 'Hikayat Perjumpaan Asyik' (1927) dan novel 'Hikayat Khalik dan Malik' (1927) yang dihasilkan oleh pengarang Pahang bernama Zulkarnain Yaakub Pahang. Perihal latar belakang pengarang novel ini, A. Bakar Hamid menyebutkan, 'sejauh yang diketahui ia berdagang di Pahang sewaktu menulis kedua-dua karya ini'. Dua buah novel ini disebut oleh A. Bakar Hamid sebagai novel-novel peralihan.

Genre novel kemudiannya lahir penulisannya di tangan Ahmad Kotot (1904-1993). Ahmad Kotot hanya berjaya menghasilkan penulisan sebuah novel berjudul 'Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan' atau 'Yazid Asyik Berani Akan Maksiatnya Zamrud'. Novel ini dihasilkan dalam dua penggal. Penggal pertama mengandungi 100 halaman dan diterbitkan pada tahun 1927 manakala penggal kedua 169 halaman diterbitkan pada tahun 1928 (Zainuddin Jumaat, 1987:241). Ishak Haji Muhamad (Pak Sako) muncul dengan novel berjudul 'Putera gunung Tahan' (1938) dan novel 'Anak Mat Lela Gila' (1941).

Kamaluddin Muhamad atau nama penanya Keris Mas (1922-1992) berasal dari Kg. Ketari Bentong merupakan tokoh pengarang yang progresif dan aktif berkarya. Beliau telah menghasilkan novel berjudul 'Pahlawan Rimba Malaya' (1946), 'Korban Kesuciannya' (1949), 'Anak Titiwangsa' (1967), 'Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur' (1982), 'Rimba Harapan' (1986) dan banyak lagi.

Perkembangan sastera moden di negeri Pahang terus rancak tatkala memasuki dekad 1970-an, 1980-an dan 1990-an. Ramai penulis baharu muncul dan memperagakan daya kreatif yang meyakinkan dan menempa nama di peringkat kebangsaan. Abu Hassan Sham (1987) menyifatkan penulis-penulis adalah sebagai anak asuhan DPMP dan terlibat secara langsung dengan kegiatan DPMP. Pengalaman mereka dalam kegiatan DPMP menajamkan lagi bakat mereka dalam melahirkan karya-karya mereka. Beberapa orang antara mereka telah menjadi penulis terkenal di peringkat kebangsaan seperti Mohd Mansur Abdullah, Baharuddin C.D, Aripin Said, E. Tan Alauddin, Zakaria M.Z, Abd Rahman Yusof, Yassin Salleh, M.Z. Alias, Daeng Ramliakil Hasanuddin Md Isa. Aminuddin Mansor (Ami Masra), dan lain-lain. Beberapa orang penulis lain yang menjanjikan masa hadapan yang gemilang dalam bidang penulisan seperti Arisel Ba, Nazri Mohd Sham, Ami Masra, Saedon Ibrahim, Yaakub Yunus, L. Man Kadir Shamsi, Masli N.O, Asmadi dan lain-lain (Abu Hassan Sham, 1987). Manakala tokoh-tokoh penulis muda yang sangat berbakat dan prolifik adalah seperti Sahrnizam bin Abdul Talib, Muzaf Ahmad dan Rasydan Fitri.

Negeri Pahang juga berjaya melahirkan ramai penulis dalam kalangan kaum wanita. Kemunculan penulis-penulis wanita yang berbakat dan menyerlah mewarnai landskap perkembangan sastera Melayu moden di negeri Pahang. Terdapat beberapa orang tokoh penulis wanita yang telah terlihat di peringkat awal sejak tahun 1980an seperti Rokiah Abu Bakar, Siti Aminah Haji Yusof, Maimunah Ali dan Maimunah Manan. Menyusul selepas itu ialah Samsiah Mohd Nor, Amaruzati Nor Rahim, Nor Afliza Arshad, Kharul Bariah Arup dan ramai lagi. Kemunculan penulis-penulis baharu wanita terus menyerlah dalam abad ke-21 dan ramai yang telah memenangi hadiah sastera anjuran DPMP. Misalnya dalam sayembara penulisan puisi 2020. Antara penulis wanita yang dimaksudkan adalah Nor Zailina Nordin /Nazratul Waheeda Nadzri, Haitun Kamarazaman, Azizah Izah, Norzailina Nordin, Fatinilam Sari Ahmad, Rodziah Mat Akil, Pazana Hanifah, Nazratul Waheeda Nadzri, Che Norsiah Omar, Wan Thuwaibah Ghazali, CT Nurza, Haitun Kamarazaman. Pemuisi dan novelis Amaruszati binti Noor Rahim telah dianugerah Seri Kandi Teja DPMP.

DPMP Penggerak Kelangsungan Sastera Pahang

Dewan Persuratan Melayu Pahang atau ringkasnya DPMP ditubuhkan pada tahun 1957. Beberapa orang penulis telah menggerakkan usaha mengumpul rakan-rakan penulis dan bertemu di Sekolah Umum Bandar Temerloh pada tanggal 14 Jun 1957 bagi mengadakan mesyuarat pertama penubuhannya. Seramai 100 penulis, aktivis sastera dan budaya hadir bagi menjayakan hasrat untuk menubuhkan sebuah persatuan penulis.

Rajah 5 Mesyuarat agung pertama dan penubuhan Persatuan Penulis DPMP pada 14.6.1957 di Sekolah umum Bandar Temerloh




(Sumber: Abu Hassan Sham, 1987: 294)

Antara tokoh awal yang terlibat dalam usaha ini ialah Tuan Haji (Cik Gu) Taib Akil, En. Jaafar Husain, Datuk Khairuddin Kawi, Sahmad Malaya, Arman Sani, Hassan Haji Abu Bakar, Khalid Haji Muhammad (adik Pak Sako), Jazmal, Wan Ahmad Tajuddin dan lain-lain (Abu Hassan Sham, 1987). Tuan Haji (Cik Gu) Taib Akil telah dilantik sebagai Yang DiPertua pertama DPMP manakala saudara Jazmal dilantik sebagai Setiausaha. Dengan itu, bermulalah lembaran sejarah perkembangan sastera Melayu moden di Pahang dengan DPMP menjadi sebuah entiti penyatuan penulis bagi menggerakkan usaha-usaha memajukan sastera di negeri Pahang. Sempena penubuhan DPMP, satu ceramah telah dianjurkan pada sebelah malam mengenai Bahasa dan Ejaan Melayu yang disampaikan oleh Keris Mas dan Sahmad Malaya.

Pada peringkat awal iaitu sekitar tahun 1960an, tidak banyak aktiviti yang dijalankan. Beberapa orang penulis seperti Sahmad Malaya dan Arman Sani terus berkarya, namun masih bersifat individu. Dalam tahun 1967, DPMP maju setapak dengan bergabung beberapa persatuan bercorak daerah ke dalam persatuan ini. Persatuan-persatuan ini ialah Persatuan Penulis-Penulis Pantai Timur, Tegas (Jerantut) dan Mas (Kuala Lipis). Hal ini telah membawa kepada kegiatan DPMP mula bertambah dan makin rancak. Aktiviti yang disertai mula bersifat nasional.

Tahun 1970-an, beberapa tokoh penulis lulusan universiti mula muncul dan mewarnai perkembangan sastera Melayu moden di negeri Pahang seperti Tengku Alauddin Tengku Majid dan Yaakub Isa. Kehadiran tokoh muda ini telah memberi nafas baharu kepada DPMP untuk bergerak lebih maju. Dalam tahun yang sama, berlaku penubuhan Gabungan Penulis Nasional di peringkat kebangsaan (GAPENA) dan DPMP mengambil langkah bergabung dengan GAPENA selaku ahli gabungannya. Dengan penglibatan bersama GAPENA, DPMP terus ke hadapan mendepani pelbagai program bersifat nasional dan internasional.

Rajah 6 *Tengku Alauddin Tengku Majid*



Rajah 7 *Yaakub Isa*



Dekad 1980-an terus memperlihatkan kepelbagaian kegiatan DPMP. Ia bukan sahaja menyertai kegiatan di peringkat nasional tetapi juga di peringkat antarabangsa. Ramai penulis dari negeri Pahang menyertai Hari Sastera di Ipoh (1980), Pertemuan Sasterawan Nusantara III di Kuala Lumpur (1981), Hari Puisi Nasional di Kota Bharu (1981), Pertemuan Dunia Melayu di Melaka (1983), Kongres Bahasa ke IV di Kuala Lumpur (1984), Dialog penyatuan Bahasa Melayu Serantau di Kuala Lumpur (1985); seminar Bahasa Kebangsaan di Kuala Lumpur (1986). Wakil DPMP juga menyertai rombongan ke luar negeri terutama kegiatan yang dijalankan di bawah naungan GAPENA. Umpamanya wakil DPMP iaitu Tengku Alauddin dan Aripin Said menghadiri Simposium Dunia Melayu, 1985 di Sri Lanka. Peserta dari DPMP juga menghadiri Pertemuan Sasterawan Nusantara IV di Brunei (1985). Pendek kata kegiatan luar DPMP sepanjang dekad 80-an adalah amat rancak (Abu Hassan Sham, 1987).

Bantuan kewangan dari kerajaan Negeri Pahang terutama melalui Yayasan Pahang dapat memberikan sumbangan besar kepada projek-projek yang dijalankan oleh Persatuan ini. Hendaknya kerjasama yang erat antara DPMP dan Kerajaan Negeri Pahang dan pihak GAPENA di Kuala Lumpur akan berterusan dan ini akan menjamin kelangsungan kegiatan-kegiatan DPMP pada tahun-tahun akan datang. Sokongan yang diberikan oleh pemimpin veteran DPMP seperti Sahmad Malaya, Jaafar Husain, Abdul Karim Hj. Abdullah, Ahmad Kotot, Arman Sani dan juga penulis-penulis veteran dari Kuala Lumpur seperti Pak Sako, Keris Mas dan Ibrahim Omar dapat meletakkan persatuan ini pada landasan yang lebih kukuh. Kelangsungan perkembangan sastera Pahang menjadi sangat signifikan dengan kehadiran lebih ramai penulis yang menyertai DPMP dan tokoh-tokoh yang berkaliber memimpin DPMP dalam abad ke-21 hingga ke hari ini. Sejak awal penubuhannya hingga kini (2025), DPMP pernah dipimpin oleh tokoh-tokoh berikut:

1. Tuan Haji (Cik Gu) Taib Akil
2. Abdul Karim Abdullah
3. Sahmad Malaya
4. Abu Hassan Sham
5. Tengku Alauddin


6. Dato' Prof. E. Dr. Mansur Abdullah.

DPMP kini diterajui oleh Prof. E Dato' Mohd Mansur Abdullah selaku Ketua 1.

Rajah 8 *Sahmad Malaya*



Rajah 9 *A. Karim Abdullah*



Rajah 10 *Dato Prof. E. Dr. Mohd Mansur*



Rajah 11 Barisan kepimpinan DPMP terkini



Penulis dan Tokoh Sasterawan Pahang

Pahang adalah di antara negeri di Malaysia yang mempunyai ramai tokoh penulis. Terdapat pengendali laman sesawang yang mendokumentasikan nama-nama penulis Pahang, misalnya laman blogspot <https://lamanpahang.blogspot.com> merekodkan seramai 141 orang penulis (kemas kini sehingga 2016) pelbagai genre dan latar Pendidikan. Maklumat nama penulis ini diambil daripada pelbagai sumber. Usaha ini sangat baik kerana ia dapat membantu menampilkan pengarang-pengarang negeri Pahang dalam peta sastera negeri dan negara.

Tokoh Sasterawan

Sekurang-kurangnya 12 orang pengarang merupakan tokoh sasterawan negeri Pahang. Mereka adalah Keris Mas, Pak Sako, Ahmad Kotot, Ibrahim Omar, Sahmad Malaya, Arman Sani, Baharuddin CD, Aripin Said, Mohd Mansur Abdullah, Abdul Rahman Yusof, Yassin Salleh dan Hasanuddin Md Isa. Ada dalam kalangan tokoh yang telah mendapat pengiktirafan tertinggi negara dan negeri. Keris Mas misalnya telah dianugerahkan Anugerah Sastera Negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara pertama pada tahun 1981. Pak Sako pula telah menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan pada 29 Jun 1973. Manakala pada 29 Mei 1976, beliau menerima anugerah "Pejuang Sastera". Ahmad Kotot pula menerima anugerah Sastera daripada Yayasan Pahang pada tahun 1984 dan dinobatkan Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan.

Mohd Mansur Abdullah seorang penulis prolific berkarya sejak tahun 1962 (Wajah, 2005) dengan penguasaan yang amat baik dalam multi genre. Beliau menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan antaranya Anugerah Penulis Pahang (1974/75), Anugerah Penulis Perak Darul Ridzuan (1987), Hadiah Buku Kebangsaan Singapura (1989), Anugerah Tokoh Sasterawan Darul Makmur oleh kerajaan Negeri Pahang (2015), Anugerah Tokoh Penyajak GAPENA/DPMP 2022, Anugerah Profesor Emeritus daripada Universiti Teknologi Malaysia (2021) dan Anugerah Karyawan Sepanjang Hayat.

RUMUSAN

Menyoroti perkembangan sastera Melayu di negeri Pahang, pembaca pasti bertemu dengan jalur perjalanan panjang yang dilalui bukan hanya oleh pengarang-pengarang, aktivis dan pencinta sasteranya tetapi juga oleh persatuan DPMP yang menjadi tulang belakangnya. Perjalanan panjang ini kelihatan merangkum suatu keseluruhan bidang ilmu sastera tradisional dan moden, melibatkan pelbagai

peringkat penulis dan keterlibatan aktiviti berpersatuan yang melata sifatnya. Susur galur perkembangan sastera di negeri Pahang kelihatan sangat berimpak baik terhadap bidang ilmu sastera itu sendiri mahupun terhadap Pembangunan modal insan kreatif tetapi juga sangat signifikan dengan misi negara melahirkan generasi yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Cabaran masa hadapan tidak mudah ditebak dan diramal dengan kiraan jari dan sifir 10. Cabaran masa hadapan bukan setakat untuk merungkai masalah, tetapi yang lebih utama ialah untuk mengisi kesempatan yang terbuka luas dengan kemampuan yang terbatas, dan untuk memafaatkan kesempatan yang datang se pantas kilat dengan upaya kudrat yang melelahkan. Semua ini menuntut iltizam yang utuh dan komitmen yang mantap dalam para pendokong, pemimpin persatuan, peminat, aktivis dan ahli-ahli yang mencintai sastera itu sendiri. Tanpa iltizam dan komitmen yang utuh dan berterusan, sejarah perkembangan sastera yang sudah terbentuk jalur perkembangannya tidak mustahil menemui jalan sakarat dan akhirnya hilang dari radar dan peta warisan persuratan Pahang.

RUJUKAN

- A.Karim Abdullah. (2000). *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-Tokoh Pahang Darul Makmur*. Kuala Lumpur: DPMP.
- Abdul Halim Ali. (2001). 'Penyair Muda Wanita Pahang: Catatan biografiktif & antologi Khirul Bariah Arup' kertas kerja, Seminar Persuratan Pahang. 2001.
- Abu Bakar Hamid. (1987). 'Dua Buah Novel Melayu Peralihan Karya Zulkarnai Yaakub' dalam Abu Hassan Sham (Pngr). Kuala Lumpur, Biro Penerbitan GAPENA, hal. 191-201.
- Abu Hassan Sham. (1987). *Warisan Sastera Pahang Darul Makmur*. (Pngr). Kuala Lumpur, Biro Penerbitan GAPENA.
- Aripin Said. (1987). 'Manuskrip Melayu Lama di Muzium Sultan Abu Bakar Pekan Pahang Darul Makmur', dalam *Pahang Dalam Sejarah*, Bil.2, 1987, hal. 40-42.
- Buyong Adil. (2023). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Jaafar. (2002). *Sejarah Perkembangan Kesusasteraan Melayu*, Cheras, Pustaka Sistem Pelajaran Sdn. Bhd.
- Hasan Ahmad & Muhammad Hafiz Aswad Ahmad Kamal. (2024). *Wacana ITKAS 2.0*, Universiti Malaysia Pahang al-Sultan Abdullah.
- Kalthum Jeran. (2016). *Hikayat Pahang*. (Pngr), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koleksi Pengenalan Tarian dan Muzik Negeri Pahang*. (2003). Kuantan: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang.
- Madiawati Mamat@Mustaffa, et al. (2019.) *Sastera Rakyat Pahang*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Najib Tun Razak. (2000). 'Pengiktirafan kepada Karyawan dan Sasterawan' dalam A. Karim Abdullah (2000). *Peranan Sasterawan dan Kesusasteraan dari Sudut Pandangan Pemimpin dan Tokoh-tokoh Pahang Darul Makmur*. Kuala Lumpur: DPMP, hal. 69-73.
- Norazit Selat. (2000). *Pahang Sejarah dan Budaya*. (Ed). Kuantan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Pahang Dalam Sejarah*. (1987). Monograf, Bil 2, 1987. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Shafie Abu Bakar. (1987). 'Identiti Keislaman di Pahang: Naskhah-naskhah Keislaman yang ditemui di Temerloh dan Kaitannya dengan Tuk Syihabuddin bin Zainal Abidin' dalam Abu Hassan Sham *Warisan Sastera Pahang Darul Makmur*. (Pngr). Kuala Lumpur, Biro Penerbitan GAPENA, hal. 166-190.
- Wajah Biografi Penulis*. (2005). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaakub Isa & Mohammad Mokhtar. (1997). *Monograf Pahang Salam Sejarah VII*. Kuantan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Zainuddin Jumaat. (1987). 'Biografi Ahmad Kotot' dalam Abu Hassan Sham *Warisan Sastera Pahang Darul Makmur*. (Pngr). Kuala Lumpur, Biro Penerbitan GAPENA, hal. 239-246.